







Perpustakaan
Tun Abdul Razak

ISSN : 2735-1920

IQORA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



LIBRARY AND INFORMATION PROFESSIONAL SEMINAR
"INNOVATIVE INFORMATION MANAGEMENT:
TOWARDS A READING NATION" (LibPro 2020) **3**



LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR:
PENTADBIRAN HARTA PUSAKA & WASIAT **4**



TAHNIAH PTAR UITM MELAKA KAMPUS JASIN
MENJUARAI PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS
AWAM BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019 **16**



LAWATAN KERJA REKTOR UITM CAWANGAN
PAHANG KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI **26**



PAMERAN MAYA @ PTAR TAPAH:
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1442H/2020M **38**



SIDANG REDAKSI IQRA'

PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

Pn. Roslah binti Laman

PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah binti Mansor

PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

REKABENTUK / GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

WARTAWAN / WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Puan Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun
ISSN NO : 2735-1920

Kata Alu-Aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan **November 2020**. e-Buletin IQRA ini diterbitkan bagi perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UITM di seluruh negara setiap bulan.

Pada masa kini, fungsi perpustakaan telah dipelbagaikan lagi bukan sahaja menjadi pusat pengumpulan dan pencarian maklumat, malah sebagai platform perkongsian idea para ilmuwan. PTAR mengorak langkah dengan menganjurkan *Library and Information Professional Seminar "Innovative Information Management: Towards a Reading Nation" (LibPro 2020)*. Ia menjadi satu medan atau landasan kepada para peserta di mana perspektif baharu dalam dunia kepustakawanan dapat dibincang dan dikongsi bersama.

Di samping itu, budaya perkongsian ilmu tetap dijalankan walaupun secara atas talian dengan penganjuran program *Live@PTAR Bicara Pakar* serta pameran-pameran yang dianjurkan secara maya walaupun di dalam keadaan Pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara dan seluruh dunia ketika ini masih belum berakhir. Temyata, semangat dan komitmen jitu warga perpustakaan di dalam menyebarkan maklumat kepada pengguna masih utuh dengan melihat kepada halatuju baru berpandukan norma-norma baharu pada masa kini.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor e-Buletin IQRA.

Terima Kasih

Wassalam.

**Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan**



Ts. NOOR HIDAYAT BIN ADNAN
KETUA PUSTAKAWAN UITM

LIBRARY AND INFORMATION PROFESSIONAL SEMINAR "INNOVATIVE INFORMATION MANAGEMENT: TOWARDS A READING NATION" (LIBPRO 2020)



إقرأ

LIVE

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Library and Information Professional Seminar "Innovative Information Management: Towards a Reading Nation" (LibPro 2020), disiarkan secara langsung melalui Facebook LibPro – Library and Information Professional Seminar. Seminar ini merangkumi sepuluh sub topik iaitu Sumber Manusia, Sumber Maklumat, Literasi Maklumat, Negara Membaca, Perpustakaan dan Sains Perpustakaan, Repositori Institusi dan Kandungan Tempatan, Arkib, Rekod dan Muzium, Sains Maklumat, Masa Depan Perpustakaan dan Sains Maklumat dan Kumpulan Minat Khusus.

Seminar LibPro 2020 ini dimulakan dengan Ucapan Keynote oleh Puan Iris Hsu, iResearch Consulting dengan topik "A.I. & Library: level up research support". Ia kemudiannya diikuti dengan sesi 1 & 2 untuk pembentangan lisan dan sesi 3 untuk pembentangan poster. Pemenang Anugerah Kertas Kerja Terbaik adalah Mawar Noor Binti Abdullah dengan tajuk "Success Factor of Web Integrated Library System and Job Satisfaction in Academic Libraries" manakala Anugerah Poster Terbaik adalah Nor Azan Ibrahim, Intan Haryati Ibrahim, Wan Emilin Wan Mat Alli, Hasniza Amno, Suzana Abdul Rahman and Mohd Syabri Afnan Mhd Fakhruddin dengan tajuk READ@USM.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan, Ketua Pustakawan PTAR dalam ucapan perasmian penutup berkata, "Saya percaya, pengajuran seminar LIBPRO 2020 ini menjadi satu medan atau landasan kepada para peserta di mana perspektif baharu dalam dunia kepustakawanan dapat dibincang dan dikongsi bersama. Gabungan atau kolaborasi para pembentang kertas kerja dan peserta dari pelbagai institusi dan organisasi pasti akan menjana hasil yang boleh dimanfaatkan bersama."

Terdapat 12 kertas kerja terlibat yang terdiri daripada 8 pembentangan secara lisan dan 4 pembentangan poster terlibat dalam seminar. Terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengajuran LibPro 2020 ini. Seminar ini telah disertai oleh 332 peserta dan mendapat 681 tontonan.



LIVE@PTAR
Bicara Pakar:
"Pentadbiran Harta Pusaka & Wasiat"
ANJURAN : PTAR UNDANG-UNDANG, UTM SHAH ALAM
24 NOVEMBER 2020 | 10:00 PAGI - 11:00 PAGI

Moderator
ENCK MOHD AMIRUL AKHBAR
MOHD ZULKIFLI
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Panel Jemputan
DR FARIDAH HUSSAIN
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-Undang

Untuk menonton semula LIVE ini:



YouTube



f PTAR

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Fakulti Undang-Undang UTM Shah Alam telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Pentadbiran Harta Pusaka & Wasiat" di bawah segmen Bicara Pakar.

Program ini telah dikendalikan oleh En. Mohd Amirul Akhbar bin Mohd Zulkifli, Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UTM Shah Alam selaku moderator dan panel jemputan, Dr. Faridah binti Hussain, pensyarah Kanan di Fakulti Undang-Undang, UTM Shah Alam. Beliau sebelum ini merupakan Peguam Bela & Peguam Cara yang memiliki pengalaman lebih 16 tahun dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dengan pertikaian harta pusaka, perceraian, perundangan alam sekitar serta tidak ketinggalan kes pertikaian industri yang melibatkan pekerja dan majikan.

Pentadbiran Harta Pusaka dan Wasiat adalah satu topik yang perlu diberikan perhatian. Ini kerana terdapat isu-isu yang timbul setelah kematian individu dalam keluarga jika tiada maklumat yang disampaikan kepada masyarakat. Persediaan awal pentadbiran wasiat ini dengan tatacara yang jelas maka harta pusaka si mati boleh ditadbir dengan baik selepas kematiannya oleh ahli keluarga.

Segmen Bicara Pakar pada kali ini mengupas beberapa persoalan seperti maksud harta pusaka dan wasiat, jenis harta pusaka yang terdiri daripada mati berwasiat dan mati tidak berwasiat serta kesan perundangannya. Di samping itu, proses pentadbiran harta pusaka berwasiat dan harta pusaka tidak berwasiat turut dibincangkan.

Semoga hasil daripada kupasan program ini dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada para penonton dan semua persoalan ini dapat difahami dengan menonton rakaman video segmen ini di YouTube Channel dan Facebook Perpustakaan UTM.

YouTube Channel Perpustakaan UTM : <https://t.co/BrPsK9Jlpa>

FB Perpustakaan UTM : <https://t.co/5B3xz2FJaM>


Scan Me Medium : Cisco Webex
<https://bit.ly/3SRNI63>

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kursus Membudayakan Nilai Baharu UiTM
ESI dan iDART
30 November 2020 | 2:30 - 4:30 petang

Penceramah Jemputan
Tn. Hj. Muhamad Nizam bin Noordin
Ketua Timbalan Pendaftar

STAY CONNECTED



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Kursus Membudayakan Nilai Baharu UiTM: ESI dan iDART bersama penceramah Jemputan, Tn. Hj. Muhamad Nizam bin Noordin, Ketua Timbalan Pendaftar UiTM Cawangan Selangor. Antara objektif pengajuran kursus ini adalah untuk memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai ESI dan iDART kepada staf, menerangkan peranan dan tanggungjawab staf di dalam menyokong ESI dan iDART dan juga memastikan staf membudayakan iDART di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Tn. Hj. Muhamad Nizam berbesar hati memberi penerangan mengenai Nilai ESI iaitu excellence, synergy dan integrity yang ditekankan oleh UiTM. Nilai yang diterapkan ini merupakan intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan. Di samping itu, nilai iDART juga turut diberi perhatian dengan memberi penekanan kepada ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab. Kursus ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan Platform Cisco Webex dengan penyertaan seramai 107 orang staf. Semoga perkongsian kali ini akan memberi manfaat kepada semua staf PTAR.


LATIHAN PRAKTIKAL DUA PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
DAN SEORANG PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
DI JABATAN ARKIB UNIVERSITI (JAU), UiTM SHAH ALAM
NOVEMBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



JAU telah menerima dua (2) orang pelajar dari UNISEL dan seorang (1) dari UiTM untuk menjalani latihan praktikal. 2 orang pelajar UNISEL iaitu Saudari Nurul Asyiqin Binti Abu Bakar dan Saudara Muhammad Aunnur Roffiq bin Yussaini merupakan pelajar jurusan Diploma Pengurusan Perpustakaan dari Fakulti Communication, Visual Art and Computing bertempat di UNISEL Bestari Jaya telah menjalani latihan selama 10 hari dari 12 hingga 25 November 2020. Sementara itu, seorang pelajar jurusan Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Pusat Sumber dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana iaitu Saudari Hamidah binti Mohd Hamidi juga menjalani latihan praktikal selama 10 hari dari 17 November hingga 2 Disember 2020.

Latihan praktikal ini merupakan kali pertama ia dibuat secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Ini adalah kerana arahan PKPB di seluruh Lembah Klang yang menghadkan jumlah staf bertugas dalam satu-satu masa di pejabat. Sepanjang sesi latihan atas talian ini, pelajar-pelajar telah diberi taklimat dan tugas yang berkaitan hal ehwal pengurusan JAU khususnya berkaitan pelupusan rekod, pelantikan pengurus rekod, pemuliharaan bahan dan lain-lain yang berkaitan. Mereka juga didedahkan dengan fungsi-fungsi setiap bahagian dan unit di JAU iaitu Bahagian Pengurusan Rekod, Unit Rekod dan Arkib Universiti, Unit Pemuliharaan Bahan dan Unit Penyelidikan dan Dokumentasi. Selain itu, mereka juga diberi peluang untuk hadir ke Jabatan Arkib Universiti (JAU) selama 2 hari bagi menjalankan projek penilaian fail dan meninjau fizikal JAU dengan lebih dekat lagi.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu

LIBRARY OUTREACH
Lawatan & Khidmat Runding
PELUPUSAN REKOD JABATAN
UITM CAWANGAN TERENGGANU

NOV 5 | 10:30 PAGI
BARAGIAN PENGULUSAN FASLITI

NOV 16 | 10:30 PAGI
INFO TECH

SEKOLAH TELUKANG GAJAH-BESUNG
UNIT ARKIB CAWANGAN TERENGGANU
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
EN. AHMAD KAMIL IBRAHIM, EN. MD. KAMIL IBRAHIM
PELUPUSAN REKOD JABATAN UTMCT

UITM



Lawatan dan khidmat runding Unit Arkib Universiti (UAC) UITM Cawangan Terengganu kali ini telah diadakan di Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Unit InfoTech yang diketuai oleh En. Md. Kamil Ibrahim selaku Pegawai Rekod Jabatan UAC UITM Cawangan Terengganu. Penerangan kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian tersebut diberikan bagi memastikan pelupusan rekod jabatan dilaksanakan mengikut prosedur yang betul.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Puan Kamariah Ahmad selaku Pembantu Tadbir Rekod Jabatan UAC, serta Cik Asmahani Abdullah, mantan Pegawai Rekod Jabatan UAC sebagai pemerhati. Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberi kesedaran kepada warga kampus agar dapat menguruskan pelupusan rekod dengan lebih baik pada masa akan datang.

SESI RESENSI BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UTMCTKD SIRI 3/2020

Untuk menonton semula:



YouTube

Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah menerbitkan Sesi Resensi Buku Perpustakaan Cendekiawan UTMCT Siri 3/2020 pada bulan ini. Seramai tujuh orang staf perpustakaan telah terlibat untuk memberi ulasan daripada pelbagai genre buku dalam sesi ini. Walau bagaimanapun, ulasan dari sesi resensi ini adalah pendapat peribadi semata-mata dan bukanlah pendirian universiti.

Untuk menonton, sila layari YouTube Channel: Perpustakaan Cendekiawan.

**LIBRARY OUTREACH@PTAR:
INTELLECTUAL DISCOURSE (LOP 104)
2 NOVEMBER 2020**

Disediakan oleh : Nur Aina Amira Rasidi


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Selangor

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Kampus Dengkil telah menjalankan Taklimat Library Outreach@PTAR: Intellectual Discourse (LOP 104) pada warga Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil secara maya. Taklimat ini telah berlangsung pada 2 November 2020 (Isnin) jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Taklimat yang telah diberikan adalah berkenaan perkhidmatan dan kemudahan perkhidmatan PTAR UiTM Kampus Dengkil yang disampaikan oleh Puan Nur Aina Amira binti Rasidi iaitu Pustakawan di PTAR UiTM Kampus Dengkil. Taklimat yang seterusnya adalah berkenaan perpustakaan digital yang disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar bin Jaafar iaitu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam.

Tn. Hj. Ahmad Faizar telah memberi penerangan mengenai penggunaan Mobile App dan MyKnowledge Management untuk pengetahuan warga Pusat Asasi UiTM. Program ini disertai oleh 80 orang iaitu di kalangan pelajar dan staf UiTM.

Terdapat beberapa maklum balas yang diberikan seperti mengadakan sesi ini dengan lebih kerap dan pandangan bahawa program yang disampaikan adalah sangat bagus untuk pengetahuan mengenai Perpustakaan Tun Abdul Razak.




**TAKLIMAT PENGENALAN BACAAN PANTAS
3 NOVEMBER 2020**

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Kampus Dengkil juga telah menjalankan Taklimat Pengenalan Bacaan Pantas (Speed Reading) pada 3 November 2020 yang lalu. Taklimat ini telah dijalankan secara maya dan disampaikan oleh En. Mohd Aizat bin Abd. Halim iaitu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Kampus Puncak Perdana. Taklimat ini telah berlangsung selama dua jam, bermula pada jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Seramai 84 orang telah menghadiri sesi taklimat ini melalui medium Webex Online Meeting. Antara topik yang disampaikan dalam taklimat ini ialah teknik asas bacaan pantas, termasuklah objektif, definisi, konsep, kelebihan, pengukuran bacaan pantas, faktor yang melambatkan bacaan dan juga faktor yang melajukan bacaan.

Satu petikan berjumlah 218 patah perkataan telah diberikan untuk pembacaan peserta. Peserta diminta untuk membaca keseluruhan petikan tersebut dan merekod jumlah masa setelah habis pembacaan. Formula bacaan pantas ini diberikan untuk dikira dan klasifikasi kelajuan (perkataan seminit) juga dipaparkan untuk mengetahui tahap kemampuan bacaan pembaca.

Latihan secara maya iaitu latihan mata dan latihan untuk otak dinamakan 'Brain Gym' telah diberikan melalui perkongsian video.



LIVE @PTAR
Sajarah: Bicara Pakar
"DIABETES: WHAT SHOULD I EAT"
19 November 2020 (Khamis) | 10:00 AM - 11:00 PM
PTAR Kampus Puncak Alam

Moderator:
Puan Hafiza Mustape
Pustakawan Utama

Panel:
Puan Nur Hidayah Baharuddin
Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan, UTM

Panel:
Puan Nur Hidayah Ghazali
Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan, UTM

STAY CONNECTED
Klik QR code untuk menyertai persembahan

Hafiza Mustape
Nur Hidayah Baharuddin
NUR HIDAYAH GHAZALI

Komen soamed
Sekiranya ada soalan boleh

Mohd Rozan
Assalamualaikum panel,saya ada beberapa soalan. 1.Blg pesakit Type 1, apakah makanan yg digalakan selepas Basal? 2. Apakah makanan-makanan yg dikategorikan slow digest carb? 3. Antara pengambilan gula dan krimer manis, yang mana lebih baik diambil jika tiada pilihan?

LIVE@PTAR SEMINAR BICARA PAKAR "DIABETES: WHAT SHOULD I EAT" | 19

APA YANG SAYA PERLU

1,412 People reached
337 Engagements

Boost post

You and 45 others
41 comments 68 shares



Ringkasan statistik program Live@PTAR ini telah mencatatkan jumlah keseluruhan tontonan.

- FB PTAR Kampus Puncak Alam - sebanyak 622 views & 68 shares.
- YouTube Perpustakaan UiTM - 311 views (Statistik pada 1 Dis 2020)

Link Program: <https://bit.ly/37q6ckj> (Facebook)

<https://www.youtube.com/watch?v=wKvfX8oRw->

19 Nov 2020 (Khamis) - Program Live@PTAR merupakan program perkongsian pengetahuan dan maklumat dikalangan pakar dalam bidang-bidang keparakannya. Justeru itu, PTAR UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam dengan kerjasama Fakulti Sains Kesihatan & Unit Komunikasi Korporat PTAR Shah Alam telah bekerjasama menganjurkan Live@PTAR seperti berikut:

Moderator: Puan Hafiza Mustape, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Puncak Alam.

Panel Jemputan:

1. Puan Nur Hidayah Baharuddin, Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan.
2. Puan Nur Hidayah Ghazali, Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan.

Objektif:

1. Penganjuran program ini diharapkan dapat membudayakan program ilmiah berteraskan perkongsian bicara pakar mengenai topik "Diabetes : What Should I Eat"
2. Membudayakan program ilmiah berteraskan perkongsian bicara pakar mengenai topik "Diabetes : What Should I Eat"
3. Memberi kesedaran mengenai simptom diabetes, risiko dan komplikasi penghidap diabetes.
4. Berkongsi mengenai pengurusan diet yang betul dikalangan pesakit diabetes.



**KUNJUNGAN HORMAT PTAR
KE FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN &
FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA**

Pada 2,5 dan 12 November yang lalu, pengurusan PTAR UiTM CNS telah mengadakan kunjungan hormat bersama warga akademik Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media UiTM CNS Kampus Rembau. Kunjungan ini diadakan bagi tujuan perkongsian maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang menyokong kepada P & P terutamanya sepanjang Open Distance Learning (ODL). Selain itu, ingin mendapatkan maklumbalas dari pihak fakulti bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.

Kunjungan hormat ini telah diadakan dengan menggunakan medium Cisco Webex dan telah disertai oleh warga akademik bagi setiap fakulti. Pihak perpustakaan berterima kasih kepada semua warga akademik yang terlibat dalam meluangkan masa menyertai kunjungan hormat ini.

PTARKAMPUSREBAU
"LibraryForAll"
<http://nsembilan.library.uitm.edu.my>

**ESPI PTAR KAMPUS REMBAU
MICROSOFT EXCEL & POWERPOINT 2016 TIPS & TRICKS
17 NOVEMBER 2020**



**ESPI PTAR KAMPUS REMBAU:
MICROSOFT EXCEL & POWERPOINT 2016
TIPS & TRICKS**

Pada 17 November 2020, telah berlangsung sesi perkongsian ilmu iaitu "Microsoft Excel & Powerpoint 2016" (Tips & Tricks) melalui medium Google Meet. Sesi perkongsian ilmu ini dikendalikan oleh Cik Malisyah Jamal Abdul Nasir iaitu Pembantu Pustakawan PTAR Kampus Rembau. Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para peserta yang terdiri daripada staf PTAR UiTM CNS dengan cara yang mudah dalam membuat tugas dengan menggunakan Microsoft Excel & Powerpoint ini. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan tugas hakiki. Diharapkan para peserta mendapat manfaat semasa menyertai program ini dan menggunakan kemahiran ini semasa melaksanakan tugas.

PTARKAMPUSREBAU
"LibraryForAll"
<http://nsembilan.library.uitm.edu.my>

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Scan QR Code ini untuk pautan pameran maya:

VIRTUAL exhibition

Rempah Ratus Nusantara



Sepanjang bulan November 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah membuat Pameran Maya yang bertajuk Rempah Ratus Nusantara.

Rempah ratus telah didefinisikan sebagai mana-mana daripada beberapa jenis bahan sayuran yang digunakan untuk merencah masakan ataupun makanan. Definisi ini telah diambil dari kamus Webster's New Twentieth Century.

Lazimnya rempah ratus ini dikeringkan terlebih dahulu sebelum digunakan supaya boleh disimpan lama dan tidak berkulat atau rosak. Ia mempunyai aroma dan rasa serta perisa yang tersendiri dalam pembuatan makanan agar rasa sedap apabila dimakan.

Bahan-bahan yang terkandung di dalam rempah ratus memberi kesan penyembuhan tertentu dan juga untuk menjaga kesihatan.

Pautan pameran maya:
<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/212-rempahratus>



LIBRARY OUTREACH BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN UITM KAMPUS BANDARAYA MELAKA 27 NOVEMBER 2020




Program Library Outreach PTAR UITM Cawangan Melaka Bersama Fakulti Pengurusan Hotel Dan Pelancongan

PTAR UITM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Perkhidmatan Perpustakaan dan Perkhidmatan Digital Perpustakaan khususnya Mobile App dan aplikasi QR Code dalam pengaksesan maklumat. Program ini telah diadakan pada 27 November 2020 yang melibatkan pensyarah-pensyarah dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UITM Kampus Bandaraya.



Penerangan secara terus, Perkhidmatan Perpustakaan telah disampaikan oleh Pn. Siti Haidah Md. Aziz, (Pustakawan Kanan KBM), Pn. Maznah Maarof dan Cik Hazlin Ibrahim Khan (Pustakawan Kanan KAG), serta dibantu oleh En. Muhammad Shafiq Snin (Pembantu Pustakawan) turut serta Pn. Norhayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan UITM Cawangan Melaka.





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UITM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kedatangan pelajar baharu yang masih berada di kolej dan sekitar kampus untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran mereka secara atas talian.

Pihak PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan proses sanitasi setiap hari bagi mencegah jangkitan COVID-19 dan mengikut Standard Operation Procedures (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Proses ini dilakukan setiap pagi (8.00 pagi - 9.00 pagi) dan setiap petang (4.00 petang - 5.00 petang). Waktu perkhidmatan PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Jasin bermula 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Mohon kerjasama staf dan pelajar untuk mengikut pematuhan SOP COVID-19. Mari kita amalkan norma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Scan QR Code ini untuk
pautan pameran maya:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk "Salam Maulidur Rasul". Pameran ini diadakan sempena Maulidur Rasul yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun bagi meraikan Hari Keputeraan Baginda Rasulullah SAW yang lahir pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan dengan 20 April 571 Masihi.

Pada tahun ini, tarikh bagi Maulidur Rasul 1442H jatuh pada 29 Oktober 2020 bersamaan hari Khamis. Tema untuk sambutan Maulidur Rasul ialah "Ummah Rabbani, Negara Harmoni". Pameran maya ini berlangsung bermula 5 November 2020 hingga 30 November 2020 dan boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition.

Pautan Pameran Maya: <https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/211-maulidulrasul>

**TAHNIH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN
MENJUARAI PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS AWAM BERSIH
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019**

19 NOVEMBER 2020



Pada tahun lepas, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menyertai Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan mencalonkan tandas di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin sebagai penyertaan pertandingan tersebut.

PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin (secara tidak rasmi) telah diumumkan sebagai salah satu pemenang dalam pertandingan ini dan hadiah kemenangan juga telah diperolehi. Walau bagaimanapun, posisi kemenangan telah diumumkan pada Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 dan Pengumuman Pemenang Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 yang telah berlangsung pada 19 November 2020.

Justeru, di kesempatan ini jutaan terima kasih diucapkan kepada semua khususnya Pejabat Rektor, Bahagian Pentadbiran dan BPF yang sama-sama membantu dalam menjayakan penyertaan di dalam pertandingan ini.

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Sesi telah dijalankan pada 6 November 2020 yang melibatkan Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurus Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.



**INFOGRAFIK LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19
PATUH S.O.P. UiTM CAWANGAN MELAKA
26 NOVEMBER 2020**

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Staf Unit Perhubungan Pelanggan & Pengurusan Koleksi PTAR UiTM Kampus Alor Gajah bekerjasama mencetak dan menampal Infografik Langkah Pencegahan Covid-19 Patuh S.O.P sepanjang berada di dalam Kampus UiTM Cawangan Melaka.

Hebahkan maklumat peringatan ini penting bagi memastikan warga kampus sentiasa mematuhi S.O.P. sepanjang berada dalam Kampus, mahu pun di luar kampus bagi sama-sama memutuskan rantaian pandemik Covid-19 ini.

TAHUAN
CAWANGAN MELAKA

Langkah Pencegahan COVID-19
PATUH SOP
Sepanjang Berada di Dalam Kampus

1. Mampu mencuci tangan dengan teliti
2. Memakai penutup muka (face mask)
3. Pengecutan suhu badan
4. Imbas Kod QR di Pejabat /Kelas
5. Sentiasa Menjaga kebersihan tangan diri
6. Patuh SOP di dalam kampus

HALAMAN 15 | 1582766 | 1582766



Disediakan oleh : Maznah Maarof



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka



Unit Perhubungan Pelanggan & Pengurusan Koleksi telah menempah bunting terkini bagi menyampaikan maklumat mengenai promosi di kaunter perkhidmatan pelanggan serta pematuhan SOP Covid-19 secara infografik. Promosi ini telah di pameran di pintu masuk utama perpustakaan.



**PENUKARAN LABEL RAK BUKU TERKINI
16 NOVEMBER 2020**

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Staf Unit Perhubungan Pelanggan & Pengurusan Koleksi PTAR UITM Kampus Alor Gajah bekerjasama menukar label rak buku. Label rak yang disediakan mengikut susunan terkini buku-buku di setiap shelfe. Proses ini penting bagi memudahkan pencarian buku oleh pengguna perpustakaan.





Selaras dengan saranan penyampaian dan pembelajaran secara atas talian, perpustakaan juga telah bersedia dalam memberikan sokongan pembelajaran melalui Perkhidmatan Digital bagi memudahkan warga UiTM mendapatkan maklumat dan bahan rujukan.

Maklumat lanjut sila ke laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka dan klik di bahagian "Virtual Exhibition".




Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan diketuai oleh Puan Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan telah menjalankan Program Kunjung Hormat Rektor UiTM Cawangan Melaka bersama Profesor Dr. Abd. Halim Mohd Noor.

Objektif utama program adalah membentangkan pencapaian terkini perpustakaan berdasarkan 32 projek inisiatif, mempromosikan seterusnya mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang terkini. Rektor juga berbesar hati memuat turun aplikasi Mobile App PTAR serta mengakses terus portal MyKnowledge Management. Perpustakaan mengucapkan terima kasih atas maklumbalas baik, sokongan dan masa yang diluahkan oleh YBhg. Rektor.



Disediakan oleh : Maznah Maarof



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Staf Unit Perhubungan Pelanggan & Pengurusan Koleksi PTAR UiTM Kampus Alor Gajah bekerjasama membuat pemilihan buku untuk Program Jom Pinjam Buku & Book2U Read@UiTM yang akan dijalankan pada bulan Disember. Pemilihan buku berdasarkan bahan bacaan yang terkini iaitu mengikut subjek dan terbitan terkini.



INFOGRAFIK LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19
PATUH S.O.P. UiTM CAWANGAN MELAKA
26 NOVEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Staf Unit Perhubungan Pelanggan & Pengurusan Koleksi PTAR UiTM Kampus Alor Gajah bekerjasama mencetak dan menampal Infografik Langkah Pencegahan Covid-19 Patuh S.O.P. sepanjang berada di dalam Kampus UiTM Cawangan Melaka.

Hebahan maklumat peringatan ini penting bagi memastikan warga kampus sentiasa mematuhi S.O.P. sepanjang berada dalam Kampus, mahu pun di luar kampus bagi sama-sama memutuskan rantaian pandemik Covid-19 ini.

TAHUAN
CAMPUS MELAKA


Langkah Pencegahan COVID-19
PATUH SOP
Sepanjang Berada Di Dalam Kampus

1. Memakai penutup muka (face mask)
2. Memakai penutup muka (face mask)
3. Pengelesen suhu badan
4. Imbas Kod QR di Pejabat /Kelas
5. Sentiasa Menjaga kebersihan diri
6. SOP Patuh SOP di dalam kampus

SEBANYAK-ADANYA
TALIAN HOTLINE 06-5827600



eEXHIBITION@PCUiTMCTKBB VOL. 2/2020
PAMERAN MAYA : PERAHU TRADISIONAL
SENI PESISIR TERENGGANU



BERITA

Disediakan oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain



Pameran maya pada kali ini berkisarkan tentang Perahu Tradisional Seni Pesisir Terengganu. Mengandungi 28 helaian, pameran ini memaparkan definisi perahu, fungsi perahu, jenis-jenis perahu dan seni hiasan serta ukiran yang terdapat pada perahu khususnya di Terengganu. Beberapa jenis perahu masih boleh dilihat sehingga ke hari ini terutamanya di Muzium Negeri Terengganu dan ada juga yang masih digunakan sebagai medium pengangkutan dan aktiviti perikanan. Hasil seni hiasan dan ukiran yang terdapat pada bangau, okok, linggi dan badan perahu telah menjadikan sesebuah perahu tampak cantik dan berseni.

STREAMING
LIVE

BICARA ILMU : RASULULLAH SAW : CAHAYA KEHIDUPAN
11 NOVEMBER 2020



Program siaran langsung ini telah diadakan pada 11 November 2020 jam 10.30 pagi. Program bicara ilmu ini telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Ali Mazuki, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi, sempena sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M. Menggunakan platform Facebook Perpustakaan Cendekiawan UiTM Bukit Besi dan bersiaran hampir 1 jam, penceramah telah berkongsi serba sedikit sirah Nabi Muhammad S.A.W yang perlu kita teladani sebagai seorang muslim dan umat Nabi Muhammad S.A.W. Di dalam program ini juga, turut diadakan promosi kepada orang ramai bagi membantu mendapatkan sumbangan dana Masjid UiTM Bukit Besi.

Penceramah juga turut berkongsi ulasan buku pilihan iaitu Indahnya Hidup Bersyariat karangan Allahyarham Dato' Ismail Kamus. Di akhir program, promosi perkhidmatan perpustakaan juga turut diwar-warkan kepada penonton FB Live antaranya Mobile App, Sumbangan Tabung Perpustakaan dan Open Access Discovery. Sebelum menutup program, makluman program siaran langsung akan datang turut dipaparkan iaitu Program Bicara Buku: Resensi Buku "Sumber Motivasi Kami".

• Satisfaction guaranteed •

LIBRARY2U

“WE DELIVER TO YOU”

Fastest delivery, just order **NOW**

PESAN & HANTAR

1. Pesan Buku Semasa Program Library2U
2. Terima Buku di Pejabat Anda

FOLLOW US @perpustakaan

Perpustakaan Tengku Anis (PTA), UiTMCK Kampus Machang telah menjalankan usaha baharu ke arah memudahkan pengguna meminjam buku perpustakaan iaitu program Library2U, satu inovasi dalam perkhidmatan pinjaman bahan buku. Library2U adalah berkonsepkan pesan dan hantar yang mana staf PTA akan pergi ke pejabat dan bahagian di kampus untuk mengambil pesanan bahan bacaan melalui WEBOPAC. Program ini telah bermula sejak Ogos 2020 ke bahagian Pentadbiran dan program ini dijadualkan pada mulanya satu kali sebulan. Bermula November 2020, PTA menjadualkan program ini sebanyak 2 kali sebulan. Setakat ini, seramai 12 orang staf bukan akademik telah meminjam sejumlah 17 naskhah sepanjang perjalanan program. Untuk tahun 2021, PTA akan meluaskan lagi perkhidmatan ini ke kolej dan fakulti agar pelajar dan pensyarah juga dapat meminjam buku-buku PTA.



PERKHIDMATAN JOM PINJAM BUKU SECARA POS

JOM PINJAM BUKU

PENGUNDA BOLEH MEMINJAM BUKU BERCEKAP SEPANJANG TEMPOR PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

BAGAIMANA?

1. Layan OPAC UiTM
lib2u.library.uitm.edu.my
2. Isi Borang Permohonan
<https://www.google.com/forms/d/1A8uUe1c1WQzkuBdM5ic4z>

Hubungi PTA melalui
Whatsapp Official
Machang - 06-9162247
KB - 06-7447767

Imbas Kod QR

Maklumat Tatacara
Perkhidmatan Pinjaman
Buku Bercekap

UITM **STAY CONNECTED**

Bagi pelajar yang menghadapi masalah membuat pinjaman buku kerana terjejas pergerakan di era pandemik ini, PTA telah menyediakan kemudahan kepada pelajar iaitu dengan memberikan perkhidmatan pinjaman buku secara pos. Perkhidmatan buku secara pos ini adalah percuma bagi semua pelajar, staf akademik dan bukan akademik yang mana pengguna mengisi borang Google Form dan setelah semakan denda dibuat, PTA akan menghantar secara pos buku-buku tersebut. Bagi pelajar-pelajar yang tinggal berdekatan kampus, staf PTA akan membuat penghantaran secara serahan tangan. Setakat ini, seramai 7 orang pelajar telah memohon perkhidmatan ini dan sejumlah 8 naskhah buku telah berjaya dipos kepada pemohon.


LAWATAN KERJA REKTOR UITM CAWANGAN PAHANG KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 06 NOVEMBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG



Pada 06 November 2020 (Jumaat), Perpustakaan Al-Bukhari UITM Cawangan Pahang telah mengadakan satu Lawatan Kerja daripada Rektor UITM Cawangan Pahang iaitu YBhg. Prof. Ts. Dr. Ilham bin Adenan. Lawatan adalah bertujuan untuk bersuakelaman, lawatan mesra

serta mengetahui lebih mendalam berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB).

YBhg. Prof. Ts. Dr. Ilham bin Adenan telah diberi taklimat oleh Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Al-Bukhari iaitu Puan Hajah Rosnita binti Haji Ja'afar di bilik mesyuarat PAB. YBhg. Prof. Rektor telah dibawa melawat sekitar kawasan dalam dan luar Perpustakaan Al-Bukhari 1 dan 2 serta melihat proses kerja yang dilakukan oleh staf di perpustakaan. Seramai 23 staf Perpustakaan Al-Bukhari telah terlibat dalam sesi lawatan kerja ini.

01



02



01

KEMUDAHAN YANG TERDAPAT
DI PERPUSTAKAAN

02

PERKHIDMATAN YANG TERDAPAT
DI PERPUSTAKAAN

03

PROSES KERJA STAF
DI PERPUSTAKAAN

04

PENCAPAIAN STAF
DI PERPUSTAKAAN

03



01

02

03

04



Pada 18 November 2020 (Rabu), satu aktiviti gotong-royong gerak gempur EKSA telah dijalankan di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UTM Cawangan Pahang yang diketuai oleh Pengerusi EKSA PAB Hajah Rosnita Ja'afar.

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk memastikan persekitaran perpustakaan sentiasa bersih, dan tersusun serta melupuskan barang-barang yang sudah tidak digunakan. Antara tempat yang menjadi tumpuan adalah di sekitar luar perpustakaan, ruang simpanan fail dan stor simpanan bahan lupus.

Seramai 22 orang staf di Perpustakaan Al-Bukhari, UTM Cawangan Pahang telah sama-sama berganding bahu dalam aktiviti gotong-royong gerak gempur EKSA ini yang mana tujuan asal adalah memastikan keceriaan sekitar perpustakaan ini terus terjaga.



Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 18 November 2020 (Rabu), aktiviti "Express Yourself Let's Move" telah diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang. Aktiviti ini dijalankan sebagai salah satu cara ke arah hidup yang lebih sihat dan memastikan setiap staf sentiasa bersenam walau di mana jua mereka berada. Aktiviti ini disertai oleh 23 staf perpustakaan dan hanya melibatkan staf perpustakaan sahaja ke arah gaya hidup sihat.




SANITASI RUANG DAN KEMUDAHAN PERALATAN DI DALAM PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 20 NOVEMBER 2020

Pada 20 November 2020 (Jumaat), staf Perpustakaan Al-Bukhari telah menjalankan sanitasi di setiap kemudahan dan ruangan pembelajaran di dalam perpustakaan.

Proses sanitasi atau nyah cemar ini dilakukan bagi menjaga kebersihan setiap ruang bagi mengelakkan sebarang jangkitan penyakit terutama daripada wabak Covid-19. Sanitasi ini dijalankan pada setiap hari dan kekerapan sebanyak 2 kali sehari bagi memberi keselesaan kepada pengguna perpustakaan.






Pada 23 November 2020 (Isnin), Simple Design Tips (Canva) telah diadakan di Bilik IT 1, Perpustakaan Al-Bukhari. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat Perpustakaan Al-Bukhari dan terbuka kepada semua staf perpustakaan yang telah disampaikan oleh Puan Norfitriah binti Mat Seman, Pustakawan Kanan, Ketua Unit Komunikasi Korporat, Perpustakaan Al-Bukhari.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua staf berkaitan tips serta teknik dalam penghasilan sesuatu reka cipta seperti poster dan video.

Seramai 10 orang staf Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyertai bengkel ini.



ONLINE CLASS WITH LIBRARY "CALLING FOR ALL STUDENTS"
UiTM CAWANGAN PAHANG
25 NOVEMBER 2020

STAY CONNECTED
ANYTIME | ANYWHERE | ANYONE

ORGANISASI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Perpustakaan Al-Bukhari
Cawangan Pahang

ONLINE CLASS with LIBRARIAN

Seriawan Pu.Farwahidah Librarian

How to find reliable sources for your assignment?

Register Now!
Limited To 100 Pax Only

<http://qr.library.uitm.edu.my/1ab>

VENUE ANYWHERE | Google Meet

13th NOVEMBER 2020 (FRIDAY) | 8.30 PM

#libraryal | @libraryal | #libpang | #uitmpang | <http://library.uitm.edu.my>

Pada 25 November 2020 (Rabu), kelas pembelajaran secara atas talian telah dijalankan lagi bagi siri yang ke-3 dalam membantu pelajar mencari bahan dan menyiapkan tugas yang diberikan. "How to find reliable journal articles for your assignment? siri ke-3 ini telah diadakan bagi membantu pelajar meningkatkan pembelajaran dengan menekankan cara-cara pencarian bahan yang betul dan tepat dengan menggunakan pangkalan data yang dilanggan oleh UiTM.



Perkongsian ini disampaikan oleh speaker Puan Nurfarwahidah binti Badruesham, Pustakawan Kanan Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang. Pembelajaran ini dikongsikan ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sasaran utama perkongsian ini adalah untuk para pelajar UiTM Jengka dan Raub. Anggaran jumlah keseluruhan penyertaan adalah seramai 90 orang.

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 27 November 2020 (Jumaat), sesi bacaan Yasin secara mingguan telah diadakan oleh staf Perpustakaan Al-Bukhari, UTM Cawangan Pahang di ruang bacaan perpustakaan. Encik Zainudin bin Ghani telah mengetuai sesi bacaan Yasin ini.

Seramai 22 staf perpustakaan telah menyertai bacaan Yasin yang diadakan pada hari jumaat setiap minggu.



KUIZ "EXPLORE & WIN OUR WEBSITE"
27 NOVEMBER 2020

STAY CONNECTED
#EXPLORE & WIN OUR WEBSITE

EXPLORE & WIN

our website

Participation provided to all participants

HOW TO JOIN US

1. Go to our website <https://pahang.library.uitm.edu.my/>
2. Click Data Bahas <http://bit.ly/exploreandwin>
3. Answer all queries

#libraryuitm @libraryuitm #uitmpahang #uitmpahang @libraryuitmpahang

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UTM Cawangan Pahang bagi memupuk minat pelajar-pelajar menggunakan koleksi Perpustakaan Digital. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu tentang langkah-langkah bagaimana untuk mendapatkan bahan yang boleh membantu mereka dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah.

TAHNIAH KEPADA PEMENANG

COME & WIN LUCKY DRAW

di Perpustakaan Al-Bukhari
27 Oktober 2020 - 30 November 2020

#libraryuitm @libraryuitm #uitmpahang #uitmpahang @libraryuitmpahang

Peraduan kuiz "Explore & Win Our Website" ini merupakan salah satu program galakan membaca dan istimewa dianjurkan khas untuk warga UTM Cawangan Pahang. Peraduan kuiz ini juga membantu warga UTM Cawangan Pahang menggunakan laman web perpustakaan serta mempelajarinya dengan lebih mendalam dan sekaligus mengetahui apa yang terdapat di dalamnya. Pemenang telah diumumkan dan hadiah telah diberikan kepada pemenang program.

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

EXPLORE & WIN

our website

WELCOME TO UTM LIBRARY

e-Certificate provided to all participants

HOW TO JOIN US

1. Go to our website <https://pahang.library.uitm.edu.my/>
2. Klik Quiz Online <http://bit.ly/exploreandwin>
3. Answer all question

#libraryforall @libraryalbukhari #libuitmpahang f/uitmpahang <http://library.pahang.uitm.edu.my>

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UTM Cawangan Pahang bagi memupuk minat pelajar-pelajar menggunakan koleksi Perpustakaan Digital. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu tentang langkah-langkah bagaimana untuk mendapatkan bahan yang boleh membantu mereka dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah.

Peraduan kuiz "Explore & Win Our Website" ini merupakan salah satu program galakan membaca dan istimewa dianjurkan khas untuk warga UTM Cawangan Pahang. Peraduan kuiz ini juga membantu warga UTM Cawangan Pahang menggunakan laman web perpustakaan serta mempelajarinya dengan lebih mendalam dan sekaligus mengetahui apa yang terdapat di dalamnya.

TAHNNIAH KEPADA PEMENANG

COME & WIN LUCKY DRAW

@ Perpustakaan Al-Bukhari
27 Oktober 2020 - 06 November 2020

#libraryforall @libraryalbukhari #libuitmpahang f/uitmpahang <http://pahang.library.uitm.edu.my>

2 NOVEMBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam


 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang

Pada 2 November 2020, staf PTAR Kampus Permatang Pauh telah bergotong-royong mengemas stor dan membuat pelupusan perabot dan komputer. Perabot-perabot yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi telah dipindahkan dari stor perpustakaan untuk memaksimumkan penggunaan ruang tersebut. Komputer-komputer lama pula telah dikumpulkan mengikut setnya supaya proses dokumentasi pelupusan dapat dijalankan dengan lebih lancar.



PROGRAM OPEN MIC MAWLID

3 NOVEMBER 2020

Sempena sambutan Maulidur Rasul 2020/1442H, Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama PTAR dan KKUUUiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Program Open Mic Maulid Bersama Al-Fadhil Ustaz Abu Bakar Razak. Program yang berlangsung pada 3 November 2020 telah diadakan di PTAR Kampus Permatang Pauh secara langsung dan juga boleh ditonton melalui Facebook Unit Hal Ehwal Islam UiTM Pulau Pinang.

Tajuk yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Abu Bakar Razak ialah Sambutan Kelahiran Nabi Muhammad SAW. PTAR Kampus Permatang Pauh juga telah mengambil inisiatif mengadakan pameran buku-buku sirah serta biografi Nabi Muhammad SAW sepanjang program berlangsung. Program yang dihadiri oleh kakitangan UiTM Cawangan Pulau Pinang daripada pelbagai bahagian ini melabuhkan tirai pada jam 11.30 pagi.



Sesi kedua Program PPT Exploring PTAR telah diadakan pada 20 November 2020 dengan penyertaan seramai 35 pelajar PPT. Dalam sesi kedua ini, pelajar dikehendaki membuat pinjaman buku dan berswafoto dengan buku yang dipinjam. Sesi kali ini mendedahkan pelajar dengan perkhidmatan peminjaman, pemulangan dan pembaharuan buku. Pelajar juga telah mengikuti sesi Webex bersama Profesor Dr. Aini Jaapar, Pengarah PPT UiTM.




PPT EXPLORING PTAR Read & Selfie WITH A BOOK

20 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)
2.30 - 4.30 PETANG
PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH

10 HADIAH MENARIK + 4 HADIAH MISTERI MENANTI ANDA YANG BERTUAH


Syarat-syaratnya
1. Pinjam minimum 2 buah buku
2. Kongsikan gambar "selfie" anda ke instagram uitmcpp

UITM di Assisi PTAR #stayconnected #staySAFE #stayagutah #pulanglahkeuitm #pulanglahkeuitm

SESI PERKONGSIAN UNIT PEMULIHARAAN & REKOD UNIVERSITI 16 & 17 NOVEMBER 2020

Sesi perkongsian Unit Pemeliharaan & Rekod Universiti bersama pelajar latihan industri telah berlangsung pada 16 & 17 November 2020 melalui platform Google Meet. Ia merupakan inisiatif yang telah diambil oleh pihak perpustakaan bagi menggantikan sesi amali yang ditangguhkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

Perkongsian ini telah disampaikan oleh Pembantu Pemeliharaan PTAR UiTM CPP iaitu Encik Roslan Rosli dan Encik Muhammad Bukharie Hamzah.





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan Pameran Maya sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M.

Antara maklumat yang disediakan ialah pengertian Maulidur Rasul, Biodata Ringkas Rasulullah SAW, Hukum dan Dalil Menyambut Maulidur Rasul dan Tokoh Maulidur Rasul.

Semoga dengan adanya Sambutan Maulidur Rasul pada setiap tahun dapat meningkatkan lagi rasa cinta dan rindu kita kepada Nabi Muhammad SAW dan semoga syafaat Baginda dapat kita peroleh.

*"Sungguhnyanya barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat."
[Riwayat Muslim (384)]*



Pepustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan Program Library Outreach "Moh Pinjam Buku". Program ini dianjurkan bagi mempromosikan koleksi bahan bacaan terbaru kepada pengguna di samping menyampaikan maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan koleksi digital yang disediakan.

Program ini telah diadakan pada 5 November 2020 bagi Fakulti Perakaunan dan 19 November 2020 bagi Fakulti Sains Gunaan. Ini bagi membolehkan pihak PTAR untuk memberi maklumat secara terperinci berdasarkan fakulti yang ada di UITM Cawangan Perak Kampus Tapah seperti bahan bacaan, Online Database, e-book dan sebagainya. Walau bagaimanapun, setiap program terbuka kepada seluruh warga universiti.



Kedua-dua program ini telah diadakan secara atas talian iaitu dengan menggunakan platform Google Meet selama 1 jam. Di akhir Program Library Outreach "Moh Pinjam Buku" ini juga, beberapa soalan dan kuiz mengenai PTAR UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah diberikan kepada peserta dan hadiah turut diberikan kepada yang berjaya memberikan jawapan yang tepat. Semoga program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Promosi@PTAR

"The only important thing in a book is the meaning that it has for you"

-W. Somerset Maugham

Searching for eBook collections? Don't worry, UTM Library has subscribed to 28,177 eBooks. Feel free to access our eBook collections through: <http://ebook.library.uitm.edu.my/>



Read more on eBook:

<https://library.uitm.edu.my/en/pages/upcoming-events/latest-at-ptar/108-news/381-across-disciplines>

<https://library.uitm.edu.my/bm/ms/tentang-ptar/program/terkini-ptar/108-news/347-across-disciplines>

Scan Here

Let's join Information Literacy Class.



It's FREE. Book your slot at:

<https://ekkm.uitm.edu.my/>

Recommended to have minimum 15 participants per slot.

Scan Here



Read more on eKKM:

<https://library.uitm.edu.my/en/pages/upcoming-events/latest-at-ptar/108-news/305-ekkm>

<https://library.uitm.edu.my/bm/ms/tentang-ptar/program/terkini-ptar/108-news/323-ekkm>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

Tel: 03-5544 3731